

Kanak-kanak sekolah rendah paling aktif buli secara siber

B/H 04/01/2018
MIS 6

Kuala Lumpur: Kanak-kanak pada peringkat sekolah rendah dikesan menjadi antara kumpulan yang paling aktif membuli secara siber di negara ini.

Ini berikutan kumpulan ini semakin hari semakin terdedah dengan internet dan mampu melakukan pelbagai perkara di laman sosial tanpa sebarang kawalan.

Kajian Asas Kesedaran Keselamatan Siber Negara oleh CyberSecurity Malaysia (CSM) mendapati, kanak-kanak pada peringkat usia itu dikesan sudah melakukan pelbagai kelakuan buruk dalam talian sama ada secara sengaja atau tidak.

Ketua Pegawai Eksekutif CSM, Datuk Dr Amirudin Abdul Wahab, berkata berdasarkan kajian itu, ada beberapa penemuan menarik boleh dikaitkan dengan buli siber khususnya membabitkan mereka yang berada pada tahap sekolah rendah.

Katanya, buli siber yang paling banyak dilakukan kanak-kanak dalam kajian itu adalah mengeluarkan orang lain secara sengaja daripada sesuatu kumpulan dalam talian iaitu sebanyak 7.77 peratus, manakala mempersendakan orang lain (6.73 peratus) dan menyamar sebagai orang lain dalam talian, 5.67 peratus.

“Kajian itu turut mendapati, kanak-kanak pada peringkat usia itu juga melakukan salah laku menghantar pesanan dengan menggunakan bahasa yang kasar kepada orang lain (4.70 peratus), menghantar teks atau e-mel atau mesej yang menakutkan, berunsur biadab atau kejam kepada orang lain (3.71 peratus) dan menghantar mesej yang tidak senonoh, kasar dan tidak sopan, 3.05 peratus.

Sebar khabar angin

“Selebihnya mereka turut menyebarkan khabar angin yang tidak sopan mengenai orang lain (2.96 peratus), mengusik dengan cara yang melampau (2.81 peratus, memuat naik atau mengirim video yang memalukan (2.59 peratus) dan memuat naik atau mengirim gambar yang memalukan (2.17 peratus),” katanya kepada BH.

Dalam kajian itu, walaupun peratusan salah laku buli siber dilihat kecil, jika dicampur, sebanyak 42.16 peratus kesalahan dikesan berlaku dalam kalangan kanak-kanak di peringkat sekolah rendah.

Keadaan ini dilihat amat membimbangkan berikutan nilai moral yang diterapkan kepada kanak-kanak sejak di awal usia semakin terhakis berikutan kebergantungan hidup dengan gajet canggih dan internet.

Amirudin berkata, kanak-kanak berusia lapan tahun hingga 17 tahun didapati menjadi antara mangsa utama siber buli.

“Kami mendapati, kejadian buli siber dalam kalangan kanak-kanak yang bersekolah di Malaysia sedang meningkat, terutama mereka yang berada dalam lingkungan usia 13 dan 15 tahun,” katanya.

Beliau berkata, penemuan kajian itu menunjukkan remaja dan kanak-kanak di negara ini sebenarnya membenarkan salah laku berbilang pada peringkat usia mereka